

Pas enggan jelas konsep negara Islam

BH - 9 SEP 2001

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan cabaran Pas supaya Perdana Menteri mengumumkan secara rasmi di Parlimen bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam sebagai helah politik dan cubaan parti itu mengclakkan diri daripada memberi penerangan berhubung negara Islam yang hendak mereka tubuhkan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Pas adalah parti yang mendakwa bertanggungjawab me-laung-laungkan mengenai hasratnya untuk menubuhkan sebuah negara Islam dan bukannya Umno atau Barisan Nasional (BN).

"Tapi apabila mereka (Pas) dicabar untuk menyatakan apakah negara Islam yang mereka nak tubuhkan, mereka tidak mahu memberi maklum balas secara jelas dan sekarang nampaknya nak pass bola pula kepada kita.

"Kita tidak pernah buat kenyataan seperti itu. Jadi Pas jawablah dulu," katanya kepada pemberita selepas menutup Persidangan Pertubuhan Persatuan Pengurusan Asia (AAMO) ke-14 di sini, petang semalam.

Kelmarin, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor mencabar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan secara rasmi di Parlimen atau memasukkan ke dalam titah ucapan Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan sidang Parlimen akan datang bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam.

Ketua pembangkang itu juga dilaporkan sebagai berkata, jika Umno benar-benar mahu mewujudkan sebuah negara Islam atau mahu menggelar Malaysia sebagai negara Islam, langkah yang paling mulia yang boleh dilakukan ialah menghentikan semua kempen memburukkan negara Islam.

Ditanya kemungkinan Pas menggunakan alasan kerajaan tidak berani menjawab cabaran itu, Ab-

dullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata:

"Kita tak pernah cakap langsung pasal benda ini. Malah kita tidak pernah membuat kenyataan atau memasukkan (penubuhan sebuah negara Islam) dalam manifesto.

"Jadi hari ini Pas nak kita buat kenyataan. Dia (Pas) cari pasal dengan kita jadi dialah yang perlu menerangkan.

"Perdana Menteri telah cabar mereka, tapi mereka tidak mampu berbuat demikian (menjelaskan tujuan penubuhan negara Islam). Itu tanda bahawa selama ini mungkin apa yang dikatakan mereka adalah cakap kosong saja sekadar untuk menarik perhatian dan mendaut sokongan daripada orang Islam," katanya.

Julai lalu, Dr Mahathir mencabar Pas supaya memperincikan secara bertulis rancangannya membentuk negara Islam yang dicita-citakan agar semua rakyat dapat memahami dan menilainya.

Sementara itu, berucap di majlis berkenaan, Abdullah berkata, perubahan ke era k-ekonomi hanya boleh dicapai dengan penyertaan dan sokongan semua pihak termasuk sektor awam, swasta, masyarakat awam dan orang ramai.

Beliau berkata, badan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan yang berdasarkan kemasyarakatan perlu membimbing ahli mereka mempelajari dan mendalami ilmu berkenaan dan menyedari akan kepentingannya.

Sehubungan itu, katanya, mereka perlu memainkan penman yang aktif melalui aktiviti dan interaksi mempromosi pertukaran kepakaran dan kemahiran.

"Dalam masa yang sama, orang ramai perlu menjadikan pembelajaran yang berterusan sebagai satu nilai dan mendapatkan ilmu pengetahuan adalah salah satu cara hidup," katanya.